

## Faktor Pendorong Pemilihan Kerjaya Perguruan Di Kalangan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan, UTM Skudai

Mohd Nasir Bin Ripin & Ana Farina Binti Abdul Fatakh  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor pendorong pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar tahun satu. Aspek-aspek yang dikaji meliputi faktor peribadi, faktor profesion perguruan dan faktor luaran. Seramai 104 orang responden dari kalangan pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang mengandungi 35 item soalan. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ini ialah  $\alpha=0.899$ . Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 12.0 bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min data. Dapatan kajian menunjukkan faktor pendorong pemilihan kerjaya perguruan yang paling tinggi ialah faktor peribadi iaitu dengan nilai min 4.00. Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan responden memberi persepsi yang positif terhadap aspek yang dikaji. Di akhir kajian, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu untuk diberi perhatian terhadap masalah yang dikaji. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

**Katakunci :** faktor pendorong, pemilihan kerjaya perguruan

### Pengenalan

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah merangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) KPM 2006-2010 yang menjadi garis panduan pembangunan pendidikan negara secara menyeluruh sepanjang tempoh 5 tahun ke dalam RMK-9. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 menekankan enam teras strategik serta satu pelan tindakan pendidikan yang komprehensif dan bersepadu. Salah satu daripada teras tersebut ialah Memartabatkan Profesion Keguruan (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006: 3).

Dalam RMK-9, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM23.198 bilion di bawah peruntukan pembangunan kepada KPM untuk memastikan segala perancangan pembangunan pendidikan yang dirangka dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Peruntukan ini adalah untuk membiayai 17,179 projek dan pelaksanaan PIPP juga akan disokong oleh peruntukan belanja mengurus yang diperuntukkan setiap tahun (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006: 32).

Profesion perguruan adalah satu bidang yang memberikan perkhidmatan yang unik, tetap dan yang diperlukan oleh masyarakat. Hal ini adalah kerana individu dalam profesion perguruan itu sahaja yang boleh memberi perkhidmatan dalam bidangnya (Syarifah Alawiyah Alsagoff, 1987: 20). Menurut Esah Sulaiman (2003: 3), bidang perguruan atau pendidikan merupakan suatu profesion yang besar tanggungjawab serta cabarannya. Setiap insan yang menceburkan dirinya dalam profesion perguruan bertanggungjawab menjaga nama baik profesion tersebut dengan mengamalkan profesionalisme perguruan semasa menjalankan tugasnya.

Menurut perspektif Islam, kedudukan guru adalah setaraf dan sama dengan pemimpin negara dan tugas mendidik ahli masyarakat merupakan satu ibadah yang dituntut. Sepertimana firman Allah S.W.T :

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي  
هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ  
بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya: *Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari JalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*

(Surah al-Nahl: 125)

Daripada ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Al-Quran menyeru manusia agar memberi pendidikan dan bimbingan serta tunjuk ajar yang baik kepada sesama manusia dengan jalan yang terbaik (Drs. Hanafi Mohamed, 1996: 27).

### **Pernyataan Masalah**

Pembentukan kerjaya seseorang pelajar untuk menjadi seorang guru amat berkait rapat dengan faktor yang mendorong mereka memilih profesion keguruan. Pendorong dalam pemilihan profesion keguruan sebagai kerjaya mereka sudah tentunya disebabkan oleh faktor dalaman ataupun faktor luaran.

Justeru itu, berdasarkan kepada latar belakang masalah seperti yang dinyatakan, penyelidik berminat untuk mengetahui dan merasakan bahawa kajian ini perlu dilakukan untuk melihat sendiri faktor-faktor manakah yang menjadi pendorong pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor pendorong pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar. Secara khususnya, objektif kajian penyelidikan ini adalah berdasarkan perkara berikut :

1. Mengetahui faktor peribadi sebagai pendorong pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar.
2. Mengetahui faktor profesion perguruan sebagai pendorong pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar.
3. Mengetahui faktor pengaruh luaran sebagai pendorong pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar.
4. Mengetahui faktor paling utama sebagai pendorong pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan tertentu iaitu :

**Pelajar :** Memberi gambaran tentang tanggapan dan sikap pelajar sekolah menengah dalam memilih profesion keguruan sebagai kerjaya mereka dan menyedarkan mereka bahawa pentingnya membuat pemilihan yang tepat terhadap sesuatu kerjaya.

**Fakulti Pendidikan :** Membantu Fakulti Pendidikan UTM, Skudai dan Fakulti Pendidikan di universiti-universiti tempatan yang lain mengambil langkah yang sewajarnya dalam proses pengambilan dan pemilihan bakal guru untuk melahirkan bakal guru yang berpendirian prestij terhadap kerjaya sebagai guru.

**Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) :** Membantu Kementerian Pelajaran Malaysia KPM), Bahagian Perancangan Pendidikan dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dalam menentukan ciri-ciri dan kriteria bakal guru ke universiti tempatan dan institusi-institusi pendidikan yang lain. Perkara ini perlu diketahui dengan jelas demi meningkatkan lagi taraf pendidikan dan kualiti latihan perguruan di negara ini.

### **Reka Bentuk Kajian**

Di dalam penyelidikan ini, penyelidik menjalankan kajian berbentuk deskriptif untuk mengenal pasti faktor pendorong pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan UTM, Skudai Johor sesi 2007/2008. Menurut Mohd Majid Konting (2005: 96) kajian deskriptif merupakan satu kajian yang bermatlamat untuk menerangkan suatu fenomena yang sedang berlaku. Dengan demikian kajian deskriptif ini dilakukan secara kajian tinjauan dengan menganalisis data yang didapati daripada soal selidik. Semua maklumat yang diperolehi diklasifikasikan mengikut aspek yang telah ditentukan. Bagi mendapatkan semua data yang dikehendaki, penyelidik telah mengedarkan borang soal selidik kepada responden.

### **Populasi Kajian dan Sampel Kajian**

Populasi dalam kajian ini terdiri daripada pelajar tahun satu di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai sesi 2007/2008. Pengkaji telah memilih sampel yang dilakukan secara rawak kelompok atas kelompok iaitu seramai 104 orang yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan tahun satu Fakulti Pendidikan di bawah Jabatan Sains Sosial yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam), Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (TESL) dan Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains Sukan).

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini dibuat dengan menggunakan kaedah soal selidik. Metod ini digunakan untuk mendapatkan maklum balas dan pengumpulan data. Penyelidik memilih soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan maklumat adalah kerana :

- i. Soal selidik menepati kaedah untuk mendapatkan data kajian disebabkan kaedah ini mudah untuk dikendalikan dan mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden.
- ii. Responden bebas memilih jawapan tanpa rasa segan dan bilangan responden yang ramai boleh meningkatkan kebolehpercayaan kajian.
- iii. Soal selidik adalah sesuatu yang seragam dan semua responden yang menjawab soalan akan menjawab soalan-soalan yang sama.
- iv. Soal selidik dapat menjimatkan masa, perbelanjaan dan tenaga penyelidik.
- v. Responden mungkin lebih selesa memberi maklum balas melalui soal selidik berbanding melalui temuramah.

Set soal selidik yang disediakan terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Pembinaan sebahagian instrumen diubahsuai dari instrumen yang telah digunakan dalam kajian lepas oleh penyelidik lain dan sebahagian lagi dibina sendiri oleh penyelidik. Bahagian A mengandungi soalan yang menyediakan jawapan terpilih yang mewakili maklumat latar belakang responden. Manakala bahagian B pula mengenai item soalan yang diklasifikasikan kepada persoalan kajian yang dikaji iaitu faktor-faktor yang menjadi pendorong pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar.

Jawapan bagi soalan-soalan di dalam bahagian ini diwakili oleh skala likert yang mempunyai lima maklum balas, yang membolehkan responden memilih jawapan berdasarkan lima skala persetujuan yang disediakan. Lima maklum balas berdasarkan skala likert adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Pengkelasan Nombor Dalam Skala Likert**

Bil	Skala	Peringkat
i	1	Sangat Tidak Setuju (STS)
ii	2	Tidak Setuju (TS)
iii	3	Kurang Setuju (KS)
iv	4	Setuju (S)
v	5	Sangat Setuju (SS)

### **Kajian Rintis**

Sebelum kajian sebenar dijalankan, pengkaji menjalankan kajian rintis terlebih dahulu untuk mengenalpasti perkara-perkara berikut:-

- i. Untuk mengenalpasti sejauhmana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden kajian, terutamanya dalam penggunaan istilah dan struktur ayat.
- ii. Untuk mengetahui sejauhmana responden memahami setiap pernyataan dan soalan ujian yang digunakan.
- iii. Untuk mengetahui sejauhmana responden memahami kehendak soalan.
- iv. Untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik.

Kajian rintis ini dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Seramai 10 orang pelajar tahun empat iaitu 3 orang pelajar lelaki dan 7 orang pelajar perempuan yang tidak terlibat dalam kajian sebenar telah dipilih secara rawak bebas untuk mendapat maklum balas terhadap soal selidik yang dibina. Rasional pemilihan sampel untuk kajian rintis ini kerana ianya mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang hendak diuji.

Berdasarkan analisa yang dibuat, kebolehpercayaan soal selidik ini menunjukkan nilai alpha 0.899. Nilai ini menunjukkan bahawa soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan dalam kajian sebenar kerana menurut Mohd Majid Konting (2005: 183), pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 boleh digunakan.

## Analisis Data

**Jadual 2: Rumusan Dapatan Kajian Faktor-faktor Pendorong Pemilihan Kerjaya Perguruan di kalangan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan UTM**

Bil	Item	Skala Kekerapan dan Peratusan				Min
		Tidak Setuju		Setuju		
		Bil	%	Bil	%	
1.	Kerjaya dalam bidang perguruan merupakan cita-cita saya.	25	24.1	79	76.0	3.89
2.	Mengajar merupakan suatu yang menyeronokkan saya.	23	22.0	81	77.9	3.91
3.	Mengajar sesuai dengan watak dan kebolehan saya.	30	28.8	74	71.2	3.72
4.	Bidang profesion perguruan memberi saya peluang menunjukkan bakat dalam pengurusan, kepimpinan dan berucap di khalayak ramai.	19	18.3	85	81.7	3.97
5.	Profesion perguruan memberi saya peluang untuk berkhidmat kepada masyarakat.	13	12.5	91	87.5	4.21
6.	Profesion perguruan memberi saya peluang untuk membentuk dan mendidik generasi muda.	10	9.6	94	90.4	4.24
7.	Profesion perguruan merupakan suatu kerjaya yang mulia.	6	5.8	98	94.2	4.61
8.	Profesion perguruan merupakan pilihan yang terbaik yang bersesuaian dengan kelulusan akademik yang saya perolehi.	43	41.3	61	58.6	3.64
9.	Profesion perguruan memberi saya peluang untuk menyampaikan dan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada pelajar.	11	10.6	93	89.4	4.27

10.	Saya amat meminati bidang perguruan sejak kecil.	42	40.4	62	59.6	3.53
<b>Jumlah Min Keseluruhan bagi Faktor Peribadi</b>						<b>4.00</b>
11.	Profesion perguruan merupakan suatu kerjaya yang terjamin di Malaysia.	20	19.2	84	80.7	4.04
12.	Profesion perguruan merupakan suatu kerjaya yang mudah mendapat pekerjaan selepas tamat program (kursus) pendidikan.	34	32.7	70	67.3	3.78
13.	Profesion perguruan membuka banyak peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.	25	24.0	79	76.0	3.90
14.	Profesion perguruan menawarkan pelbagai insentif dan skim perkhidmatan pendidikan kepada guru-guru.	20	19.2	84	80.7	3.91
15.	Terdapat cuti yang banyak dalam profesion perguruan.	39	37.4	65	62.5	3.73
16.	Waktu kerja guru adalah singkat iaitu kurang daripada 8 jam.	65	62.5	39	37.5	3.19
17.	Profesion perguruan memberikan pelbagai peluang kenaikan pangkat kepada guru secara time-based yang tidak dinikmati oleh penjawat awam dalam skim perkhidmatan yang lain.	42	40.4	62	59.6	3.48
18.	Profesion Perguruan merupakan profesion yang berkualiti dan disanjung tinggi.	9	8.7	95	91.4	4.22
19.	Profesion perguruan masa kini amat mencabar dan memerlukan ilmu keguruan yang tinggi dalam menjalankan tugas sebagai pendidik.	5	4.8	99	95.2	4.41
20.	Profesion perguruan masa kini setaraf dengan profesion-profesion yang lain dan agenda memartabatkan profesion perguruan menjadi agenda paling utama di KPM.	12	11.6	92	88.5	4.19

<b>Jumlah Min Keseluruhan bagi Faktor Profesion Perguruan</b>						<b>3.89</b>
21.	Saya memilih profesion perguruan atas dorongan dan kehendak ibu bapa saya.	48	46.1	56	53.8	3.59
22.	Saya mendapat galakan daripada bekas guru yang mengajar saya.	36	34.7	68	65.4	3.66
23.	Saya mendapat bimbingan daripada guru kaunseling kerjaya.	61	58.6	43	41.3	3.26
24.	Rakan-rakan lain yang ingin menjadi guru banyak mempengaruhi saya.	74	71.2	30	28.8	2.60
25.	Ibu bapa saya yang berkerjaya sebagai guru mempengaruhi saya untuk memilih profesion yang sama.	64	61.5	40	38.5	3.17
26.	Saya dipengaruhi oleh adik beradik saya yang lain yang berada di bidang pendidikan.	72	69.3	32	30.7	2.68
27.	Saya dipengaruhi oleh saudara mara.	64	61.5	40	38.4	2.82
28.	Saya tertarik untuk menceburkan diri dalam bidang perguruan melalui pendedahan yang begitu banyak terhadap bidang ini di akhbar dan majalah.	45	43.3	59	56.7	3.36
29.	Rancangan televisyen yang menyiarkan program-program berinformasi yang berkaitan bidang perguruan mempengaruhi saya untuk memilih kerjaya perguruan.	53	51.0	51	49.0	3.25
30.	Saya banyak mengetahui tentang bidang perguruan hasil daripada pembacaan saya dari laman-laman web yang berkaitan.	46	44.2	58	55.8	3.32
<b>Jumlah Min Keseluruhan bagi Faktor Luaran</b>						<b>3.18</b>

Berdasarkan jadual 2 di atas, keputusan menunjukkan min yang tertinggi bagi persoalan kajian ialah pada item tujuh iaitu pernyataan tentang profesion perguruan merupakan kerjaya yang mulia dengan min sebanyak 4.61. Seramai 98 orang responden iaitu 94.2% menyatakan setuju dan hanya enam orang responden (5.8%) sahaja yang tidak bersetuju dengan item ini. Item yang mencatatkan min terendah ialah pada item 24 iaitu pernyataan tentang rakan-rakan lain yang ingin menjadi guru banyak mempengaruhi saya dengan min sebanyak 2.60.

Secara keseluruhannya didapati faktor peribadi mencatatkan min keseluruhan yang tertinggi iaitu sebanyak 4.00 dan diikuti dengan faktor profesion perguruan iaitu min sebanyak 3.89. Faktor yang menjadi pendorong pemilihan kerjaya perguruan dalam kalangan pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan UTM yang mencatatkan min keseluruhan paling rendah ialah faktor

luaran iaitu sebanyak 3.18. Hal ini bermakna objektif kajian yang pertama, kedua dan ketiga iaitu untuk mengetahui faktor-faktor pendorong pemilihan kerjaya perguruan dan faktor utama mendapat maklum balas yang positif dari responden memandangkan min bagi semua faktor yang disebutkan berada pada tahap sederhana dan tinggi iaitu 2.34 hingga 3.67 dan 3.68 hingga 5.00.

### **Perbincangan**

Faktor pendorong pemilihan kerjaya perguruan yang paling tinggi ialah faktor peribadi iaitu mencatat jumlah min keseluruhan sebanyak 4.00. Manakala min item yang tertinggi ialah pada item 7. Jumlah min pada item ini ialah 4.61 iaitu mengenai pernyataan profesion perguruan merupakan suatu kerjaya yang mulia. 94.2 peratus responden bersetuju dengan item ini. Dapatan kajian ini menyokong hasil kajian yang dilakukan oleh Azhar Bin Rezali (2007:65) dalam kajiannya yang bertajuk "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Profesion Perguruan di Kalangan Pelajar Tahun Satu Lepas Matrikulasi, Fakulti Pendidikan, UTM" mendapati sebanyak 85.9 peratus responden memilih profesion perguruan kerana ianya merupakan satu profesion yang paling mulia.

Min paling rendah bagi faktor peribadi ialah pada item 10 iaitu 3.53 mengenai pernyataan saya amat meminati bidang perguruan sejak kecil. Walaupun begitu 59.6 peratus responden bersetuju dengan item ini. Hal ini kerana ada di antara mereka yang menyemai cita-cita sejak dari bangku sekolah lagi untuk menjadi seorang guru. Melalui kajian Lajakarek Bin Hj Mohd Amin (1997:41), didapati sebanyak 46.3 peratus responden bersetuju bahawa kerjaya perguruan merupakan cita-cita mereka.

Kebanyakan responden mengetahui bahawa profesion perguruan masa kini amat mencabar dan memerlukan ilmu keguruan yang tinggi dalam menjalankan tugas sebagai pendidik. Pernyataan item ini mempunyai min yang tertinggi bagi faktor profesion perguruan iaitu sebanyak 4.41. Seramai 99 orang responden (95.2%) bersetuju dengan item ini. Cabaran kerjaya keguruan sekarang sentiasa berubah mengikut peredaran masa. Dr. Nathesan, Timbalan Ketua Jabatan Ilmu Pendidikan Maktab Perguruan Batu Pahat apabila diminta pendapatnya, beliau mengatakan cabaran guru sekarang tidak sama dengan cabaran guru pada masa dahulu. Guru sekarang menghadapi pelbagai cabaran yang mungkin tidak dihadapi guru pada masa dahulu. Guru sekarang hendaklah sentiasa meningkatkan ilmu keguruan untuk menjalankan tugas sebagai pendidik dengan cekap dan berkesan (Dewan Masyarakat, Mei 2005: 23). Majoriti responden bersetuju dengan item 19 ini dan mengakui bahawa profesion perguruan masa kini amat mencabar dan memerlukan ilmu keguruan yang mantap dalam dunia pendidikan.

Faktor seterusnya ialah faktor pengaruh luaran. Faktor pengaruh luaran mencatat min yang terendah antara faktor-faktor lain iaitu jumlah min keseluruhan ialah 3.18. Jumlah min yang paling tinggi dalam faktor ini ialah pada item 21 iaitu pernyataan saya memilih profesion perguruan atas dorongan dan kehendak ibu bapa saya. Di sini mungkin timbul persoalan atau pertanyaan mengapakah ibu bapa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memberi pendidikan kepada anak-anak mereka. Jika kita renungkan dengan teliti dengan mudah kita dapat menjawab pertanyaan yang tersebut; iaitu tidak lain kerana mereka hendak menyediakan anak-anak itu untuk menghadapi kehidupannya nanti dan juga akan melanjutkan asas kebudayaan lama kepada kumpulan generasi yang baru (Musa Bin Daia, 1978: 32). Hal ini menunjukkan bahawa dorongan ibu bapa dalam kehidupan anak-anak sedikit sebanyak memberi kesan kepada pemilihan pekerjaan mereka. Pengaruh ibu bapa diperolehi hasil dari didikan yang diberi sejak anak-anak masih kecil lagi.



Manakala bagi min terendah untuk faktor pengaruh luaran iaitu sebanyak 2.60. Kebanyakan responden tidak terpengaruh dengan rakan-rakan lain yang ingin menjadi guru. Seramai 74 orang responden tidak bersetuju dengan pernyataan item ini. Walaupun begitu, 28.8 peratus responden bersetuju menyatakan bahawa rakan juga mempengaruhi mereka dalam memilih bidang perguruan sebagai kerjaya. Semakin kanak-kanak itu menbesar, semakin gemar ia berdampingan dengan rakan sebaya dan semakin menjauhkan diri dari keluarga. Pada peringkat ini kanak-kanak akan mengalami perubahan proses permasyarakatan dari alam keluarga ke alam rakan sebaya. Apa yang dimaksudkan di sini ialah rakan sebaya akan banyak mempengaruhi sikap dan tingkahlaku seseorang individu itu (Manja Mohd Ludin, 1990: 63). Menurut Arieff Salleh Rosman dan Wardah Mokhtar (2006: 16-17) pula, seseorang itu memerlukan rakan dan apa yang dilakukan oleh rakan menjadi ikutan mereka. Personaliti rakan memberi kesan pada personaliti seseorang.

### **Rujukan**

- Azhar Rezali (2007). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Profesion Perguruan Di Kalangan Pelajar Tahun Satu Lepas Matrikulasi, Fakulti Pendidikan, UTM*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Drs. Hanafi Mohamed (1996). *Falsafah Pendidikan Menurut Al-Quran*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Lajakarek Hj Mohd Amin (1997). *Faktor Pendorong Pemilihan Profesion Perguruan Di Kalangan Pelajar Lepas Sijil Politeknik Dan Diploma Kejuruteraan: Kajian Kes Di Institut Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Manja Mohd Ludin (1990). *Psikologi Sosiologi Dan Falsafah Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Norlia Melawi (2000). *Faktor Yang Mendorong Pemilihan Kerjaya Perguruan Di Kalangan Pelajar tahun satu Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UTM Skudai Sesi 1999/2000: Satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Prof. Dr. Sidek Baba (2006). *Pendidikan Rabbani Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Rosliza Che Mat (2001). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Fakulti Pendidikan Dalam Memilih Profesion Perguruan Di Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Syarifah Alawiyah Alsagoff (1987). *Psikologi Pendidikan II*. Kuala Lumpur: Longman Sdn. Bhd.
- Tajul Ariffin Noordin dan Nor' Aini (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Yaakob Ismail (1984). *Peranan dan Masalah Guru-Guru Sains Lulusan Diploma Sains Serta Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.